

24 JAN 1996

## PENGIMPORAN JENTERA PERLU DIKURANGKAN UNTUK TANGANI MASALAH DEFISIT

Oleh: Siti Hawa Othman

KUALA LUMPUR, 24 Jan (Bernama) -- Penggunaan jentera, baru atau terpakai yang kadangkala disebut jentera yang dibaik pulih bagi kerja-kerja kejuruteraan atau pembinaan, bergantung kepada kemampuan setiap kontraktor walaupun pada hakikatnya pengimportan kelengkapan tersebut perlu dikurangkan bagi mengurangkan defisit akaun semasa negara.

Pemaju dan pembekal yang ditemu ramah oleh Bernama menyatakan para kontraktor sering menggunakan jentera baru bagi membolehkan kerja-kerja disiapkan dengan cepat manakala jentera terpakai menjadi pilihan sekiranya mereka ingin menjimatkan kos.

Baru-baru ini, para pemimpin kerajaan menegaskan peri pentingnya Malaysia mengurangkan jumlah import dan sebaliknya menambah jumlah eksport bagi menolong mengurangkan jurang defisit akaun semasa negara.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri sebelum ini pernah menganjurkan agar jumlah import dikurangkan manakala jumlah eksport dipertingkatkan terutama bagi barangan kurang perlu dengan menyebut jentera yang digunakan bagi kerja-kerja tanah sebagai contoh.

Menurut beliau, sungguhpun jentera tersebut, baik yang baru atau terpakai, sudah banyak di negara ini, namun ia masih juga diimport.

"Harga bagi jentera baru sangat mahal manakala yang terpakai lazimnya separuh daripada harga baru," kata Mohd Azam Yusoff, pengarah urusan Exceltre Development Sdn Bhd.

Harga sebuah jentera pengorek tanah terpakai, kata beliau, selalunya separuh daripada harga barunya dan boleh digunakan antara tiga dan lima tahun. Alat-alat gantinya juga mudah diperolehi, jelas beliau.

Seorang pegawai yang bertugas dengan sebuah syarikat pembekal jentera berat terkemuka pula berkata para kontraktor besar selalunya menggunakan jentera baru. Seseengah projek perlu disiapkan dengan cepat dan bermutu tinggi, tambah beliau.

Masalah yang sering dihadapi sekiranya menggunakan jentera terpakai ialah kesulitan untuk mendapatkan mekanik bagi memperbaiki kerosakan, kata pegawai itu.

"Sebuah jentolak boleh digunakan selama antara 20 dan 30 tahun. Jentolak baru boleh berkhidmat tanpa kerosakan selama lima tahun. Jentolak yang terpakai pula mempunyai kecekapan antara 70 dan 80 peratus berbanding yang baru," kata beliau.

Sementara itu, seorang pegawai yang bertugas dengan sebuah syarikat yang disenaraikan di bursa saham berkata syarikatnya menggunakan jentera baru dan terpakai bagi melaksanakan projek pembinaan.

Jentera baru kurang memberi masalah manakala yang lama memerlukan kos penyelenggaraan yang tinggi, kata beliau.

Sebenarnya, penggunaan jentera, sama ada yang baru atau terpakai, bergantung kepada projek yang dilaksanakan. Permintaan bagi jentera baru dan terpakai sangat tinggi tahun lepas berikutan perlaksanaan pelbagai projek besar di negara ini, jelas pegawai itu. -- BERNAMA